

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, July 10, 2019 1:37 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Sesi Town Hall Naib Canselor Bersama Pensyarah Muda Beri Input Berimpak Tinggi



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

10 JULAI 2019 / 07 ZULKAEDAH 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

SESI TOWN HALL NAIB CANSELOR BERSAMA PENSYARAH MUDA BERI INPUT BERIMPAK TINGGI



UUM ONLINE: Sambutan menggalakkan diberikan oleh warga kampus UUM khususnya staf akademik yang memeriahkan Sesi Town Hall Naib Canselor Bersama Pensyarah Muda yang berlangsung di Auditorium SOIS, UUM, baru-baru ini..

Dalam program anjuran Jabatan Canselori itu, Naib Canselor mengulas mengenai pencapaian UUM, pengiktirafan antarabangsa, hala tuju dan perancangan strategik dalam memacu ke arah Universiti Pengurusan Terkemuka.

Menurutnya, UUM disenaraikan pada kedudukan 591 – 600 di peringkat dunia QS World University Rankings selain berada di kedudukan 201-250 dalam Times Higher Education (THE) Young University Rankings 2019 sekali gus menyerlahkan imej UUM di mata dunia.

Manakala di peringkat Asia UUM berada di kedudukan 128, 19 di peringkat Asean dan 10 di Malaysia.

Statistik penyelidikan pensyarah muda berumur 45 tahun dan ke bawah menunjukkan STML mendominasi carta iaitu seramai 77 orang diikuti TISSA 69 dan SEFB 62 sejak tahun 2017.

“Kita dapat geran hasil daripada duit kerajaan justeru kita perlu menjaga kualiti perkhidmatan selaras dengan usaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan awam.

“Hasil perbincangan saya dengan pihak industri, rata-ratanya mengatakan penyelidikan yang dibuat tidak relevan dengan industri justeru itu kita perlu hasilkan kajian yang berkait dengan industri dan fokus kita adalah untuk dekat dengan industri,” ujarnya.

Jelasnya, untuk maju ke hadapan UUM bergerak ke arah dunia digital dengan mewujudkan *smart campus*, melestarikan kampus hijau, pengantarabangsaan, jabatan pemasaran, Jabatan Strategik dan Pembangunan Perniagaan (BSD) dan memantapkan kampus UUMKL.

Dalam pada itu beliau mengingatkan staf untuk menjaga kesihatan agar kekal produktif, disiplin, menjaga integriti dan elakkan gangguan seksual sama ada staf mahupun pelajar kerana bertentangan dengan etika sebagai penjawat awam.

Manakala pada Sesi Perkongsian: Pengalaman Dalam Aktiviti Penyelidikan, Lt. Kol. (PA) Prof. Ts. Dr. Norazah Mohd Suki berkongsi pengalaman, tips dan rahsia kejayaan sehingga bergelar profesor dalam usia yang muda.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.